

Bersyukur diberi peluang menunaikan ibadat haji

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad dan Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafizah Pg. Osman dan Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Julai. - Jauh di lubuk hati setiap umat Islam terdetik untuk menanamkan harapan terutama untuk menjelaskan kaki ke Tanah Suci bagi menunaikan ibadat umrah apatah lagi menunaikan rukun Islam kelima, iaitu menunaikan fardu haji bagi mereka yang mampu.

Rasa teruja itu turut dirasai oleh sebahagian bakal jemaah haji negara terutama kepada mereka yang baru pernah menunaikan haji seperti Awang Sabli bin Haji Osman, 61, yang sememangnya menaruh harapan sejak tahun 2010 lagi.

Beliau yang berasal dari Kampung Parit, Mukim Pengkalan Batu itu akan ditemani isteri dan anak perempuannya memanjatkan rasa syukur kerana terpilih dan berpeluang dapat menunaikan haji pada kali ini.

Sementara itu, Dayang Salus binti Gani dari Kampung Sungai Taring Lumut dengan rasa sebak menyatakan memang sangat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana diberi kesempatan untuk menunaikan haji bersama suami setelah menaruh harapan selama

Kami berharap dan berdoa agar

20 tahun.

Bagi Awang Abdul Jamal bin Haji Abdul Rahman, 57, dari Perumahan Negara Kampung Rimba pula, beliau amat bersyukur dan sangat teruja kerana diberi kesempatan untuk menunaikan haji buat kali pertama.

"Alhamdulillah, Allah Subhanahu Wata'ala memberikan kesempatan buat saya dan isteri untuk mengerjakan ibadah haji setidaknya sekali seumur hidup. Dari segi persediaan, kami telah diberikan kursus haji oleh kementerian sebanyak 10 kali, iaitu selama dua jam setiap hari Jumaat dan Ahad semasa bulan Mei lalu," terangnya.

Perkara yang sama turut dirasai oleh Pengiran Sulfiah binti Pengiran Abdul Rajak dan suaminya, Awang Mohd. Anuar bin Haji Jaya dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut.

"Kami sangat gembira dan sangat bersyukur kerana diberikan kesempatan untuk menunaikan rukun Islam kelima, iaitu mengerjakan haji sekurangnya sekali dalam seumur hidup.

Kami berharap dan berdoa agar



AWANG Haji Sabli bin Haji Osman berasal dari Kampung Parit akan menunaikan ibadah haji bersama isteri dan anak perempuannya pada tahun ini.



DAYANG Salus binti Gani dari Kampung Sungai Taring, Lumut sudah mengidamkan untuk menunaikan ibadah haji bersama suami selama 20 tahun.



AWANG Abdul Jamal bin Haji Abdul Rahman bersyukur dapat mengerjakan ibadah haji buat pertama kali pada tahun ini.

diper mudahkan segala urusan dalam mengerjakan ibadah haji seterusnya mendapat haji yang mabruur InsyaAllah," ujarnya.

Kesemua mereka itu turut menunjung kasih atas pemeliharaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan barang keperluan seperti sepasang teleung dan pakaian ihram bagi kegunaan mereka semasa berada di sana.

PASANGAN suami isteri dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut, Awang Mohd. Anuar bin Haji Jaya dan Pengiran Sulfiah binti Pengiran Abdul Rajak berdoa dan berharap agar dikurniakan haji yang mabruur.



Lengkapkan belia dengan akidah, ibadah dan akhlak



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Julai. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Belia, Bahagian Penyebaran Da'wah mengendalikan Program Ta'ziz Ilmi selama empat hari sehingga 3 Julai 2017, bertempat di Bilik Basir, Tingkat 1, Bangunan Darul Huda, PDI, Berakas, di sini.

Pegawai Perkembangan Ugama, Ketua Unit Belia, Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI,

PROGRAM Ta'ziz Ilmi disertai oleh 13 mahasiswa dan mahasiswi yang dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Belia, Bahagian Penyebaran Da'wah.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

Dayangku Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji Kamaluddin semasa ditemu bual Pelita Brunei menyatakan program menumpukan mahasiswa dan mahasiswi yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara yang ketika ini balik bercuti di Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya, tujuan program tersebut diadakan adalah bagi melengkapkan pelajar dengan tiga komponen ilmu dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak untuk bekalan belajar di seberang laut, di

samping memperkuatkan pengetahuan ugama Islam dan penghayatan ajaran-ajarannya untuk dijadikan sebagai cara hidup yang lengkap.

Dalam pada itu, program yang disertai 13 mahasiswa dan mahasiswi tersebut diharap akan dapat mencapai objektif dan peranan Unit Belia untuk melahirkan belia yang beriman, berakhlaq, berilmu, berupaya, berkemahiran, berdedikasi, integriti, berkualiti, produktif, dinamik dan kreatif.

Mahasiswa UNISSA sertai Forum ALSA, Singapura

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Julai. - Sekumpulan mahasiswa undang-undang dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mewakili Negara Brunei Darussalam pada Forum Persatuan Pelajar Undang-Undang Asian (ALSA) yang berlangsung di Republik Singapura bermula 31 Julai hingga 6 Ogos 2017.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA, Forum ALSA adalah acara yang dihoskan oleh negara-negara anggota ALSA, di mana pada tahun ini, ia dihoskan oleh Singapura.

Forum ALSA adalah aktiviti perdana persatuan yang merupakan persidangan selama seminggu, menyatukan lebih daripada 200 pelajar undang-undang dari negara-negara

anggotanya untuk beberapa siri kegiatan akademik dan bukan akademik.

UNISSA diwakili oleh Awang Arif Azhan bin Awang Besar; Dayang Nur Azmina binti Haji Malik; Dayang Azilla Liyana binti Mohd. Azam Zaki dan Dayang Amirah Aziyah binti Hasdy.

Ia diadakan di antara bulan Ogos dan September setiap tahun, di mana ia menandakan permulaan kalender akademik ALSA, yang mana Perhimpunan Agung Tahunan ALSA, Mesyuarat Majlis Mesyuarat dan Pilihanraya Antarabangsa dianjurkan.

Persidangan yang berakhir Ahad ini akan meliputi pelbagai isu undang-undang yang berkaitan dengan tema 'Undang-Undang dan Keadilan' yang menggariskan



MAHASISWA undang-undang dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mewakili Negara Brunei Darussalam pada Forum Persatuan Pelajar Undang-Undang Asian (ALSA) yang berlangsung di Republik Singapura bermula 31 Julai hingga 6 Ogos 2017 ketika bergambar ramai bersama Dekan Fakulti Syariah & Undang-undang (lima, kanan) bersama Ahli ALSA di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

isu-isu Perdagangan Manusia, Keganasan, Dadah Haram dan Rasuah.

Di samping itu, pelbagai ceramah dan perbincangan berkumpulan juga disediakan oleh

pihak pengajur selaras dengan tema yang menyeluruh untuk persidangan itu.